KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	27.07.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	JMG/JPSM			

SINAR HARIAN • RABU 27 JULAI 2022

DEWAN RAKYAT

'Kawasan Gunung Inas tidak stabil'

Terdedah kepada ancaman tanah runtuh serta jatuhan batuan

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID
KUALA LUMPUR

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) memaklumkan siasatan awal mendapati kawasan persekitaran Gunung Inas, Kupang, Baling masih tidak stabil dan terdedah kepada ancaman tanah runtuh serta jatuhan batuan.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, ia berikutan kehadiran bongkah batuan yang longgar dan tergantung di lereng gunung.

"Di samping itu, perubahan arus deras secara mendadak bila berlaku hujan di kawasan hulu dan kehadiran taburan puing-puing batuan di dalam laluan sungai boleh mendatangkan berisiko serta membahayakan keselamatan awam di kawasan tersebut," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling)** yang bertanyakan kaedah penyelesaian yang dirancang oleh kementerian bagi memastikan keselamatan rakyat dijamin khususnya penduduk di sekitar Gunung Inas sewaktu pertanyaan menteri.

Takiyuddin menambah, sebagai langkah awal bagi memastikan keselamatan rakyat, satu surat pemakluman rasmi perihal Langkah Kewaspadaan Awam di Kawasan Tadahan Gunung Inas, Baling, Kedah telah dihantar pada 22 Julai lalu kepada kerajaan negeri Kedah.

Menurutnya, surat itu bagi menyarankan agar kerajaan negeri Kedah mengambil perhatian terhadap zon bahaya dan zon kawalan yang dibangunkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

"KeTSA melalui JMG turut menasihatkan agar kawasan pergunungan zon sumber aliran puing tersebut juga tidak dibuka kepada awam sehingga keadaan selamat.

"Bagi kaedah penyelesaian secara menyeluruh, kementerian melalui Pasukan Khas Siasatan Bencana-Tragedi Baling 2022 sedang menyediakan laporan bersepadu.

"Laporan tersebut dijangka mencadangkan kewujudan kawasan zon terimpak, zon berisiko dan zon selamat," ujarnya.

Beliau berkata, laporan itu turut menyediakan cadangan dan tindakan susulan mengenai dasar serta pengurusan bencana bagi mengurangkan secara menyeluruh risiko bencana di kawasan tersebut melalui langkah penyelesaian secara berstruktur dan bukan berstruktur.

FOTO: BERNAMA



Takiyuddin ketika menjawab soalan pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen ke-14 bagi Persidangan Dewan Rakyat pada Selasa.